

Suhaimi calon BN untuk PRK Permatang Pauh

Astro Awani

April 23, 2015

Oleh Hilal Azmi

Setiausaha UMNO Bahagian Permatang Pauh, Suhaimi Sabudin diumumkan mewakili BN sebagai calon Pilihanraya Kecil Permatang Pauh 7 Mei ini.

Suhaimi yang mempunyai kelulusan akademik dari Universiti Sains Malaysia merupakan ahli UMNO cawangan Guar Jering.

Pengumuman calon Barisan Nasional dibuat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pusat Operasi BN Bandar Perda pada Khamis.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/suhaimi-calon-bn-untuk-prk-permatang-pauh-58504>